

Pembinaan taska akan ditambah

KUALA LUMPUR - Penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) di jabatan kerajaan akan ditambah dan infrastruktur di Taska sedia ada akan dipertingkatkan, kata Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

Beliau berkata, ia selaras peruntukan disediakan kerajaan menerusi Belanjawan 2013 yang dibentangkan pada 28 September lalu.

"Sebilangan besar telah ditubuhkan, namun penambahan akan dilakukan dari segi tempat dan kapasiti," katanya selepas menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

2011 bagi Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam yang mahu lebih banyak Taska diwujudkan di jabatan kerajaan bagi memastikan lebih ramai wanita berpendidikan tinggi dapat bekerja.

Pada majlis itu, 111 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan peringkat persekutuan yang memperoleh prestasi cemerlang empat bintang Indeks Akauntabiliti, menerima anugerah tersebut. - Bernama



Ali (tengah) menyampaikan anugerah cemerlang kepada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mohid Mohamed (kanan), semalam. Turut kelihatan, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang (kiri).

Jabatan Audit cukup fleksibel

SINAR HANGKUN
2/10/2012

KUANTAN - Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa fleksibel dan memahami bantuan segera yang perlu disalurkan khususnya dalam situasi kecemasan serta luar jangka namun pihak terlibat perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, tindakan tersebut perlu seiring dengan sebarang pernyataan atau rekod apa yang berlaku.

"Pihak yang terlibat termasuk kerajaan negeri perlu faham untuk menyalurkan bantuan segera sila ikut SOP dan mesti ada pernyataan atau rekod apa yang berlaku.

"Jadi, kita akan tahu mana duit datang, mana duit pergi dan kita juga faham dalam keadaan terdesak bantuan segera perlu disalurkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang media selepas majlis pe-



Adnan (dua, kiri) bersama Ambrin (kiri) ketika melancarkan buku garis panduan berkenaan pengauditan selepas merasmikan Majlis Hari Audit 1Malaysia dan persidangan juru audit Sektor Awam 2012, semalam.

rasmian Hari Audit SeMalaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2012 yang disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Adnan Yaakob di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Saftian Ismail dalam persidangan tersebut dengan tema Pemantapan Pengurusan Kewangan

Membantu Transformasi Negara itu diadakan selama dua hari.

Sebelum itu, Adnan dalam ucapannya, menyatakan pihaknya berkemungkinan tidak dapat mengikut sepenuhnya peraturan yang ditetapkan JAN terutama jika berlaku sesuatu bencana atau darurat yang memerlukan bantuan segera disalurkan.

"Contohnya, dalam keadaan bencana seperti banjir, kita tak pasti sama ada dapat ikut semua peraturan yang ditetapkan atau tidak, satu dan dua pasti dilanggar.

"Saya harap JAN dapat melihat perkara ini kerana apa yang penting bagi kita adalah bantuan segera kepada mereka yang terlibat dengan bencana," katanya.